

TARIKH	16 / 05 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	17	RUANGAN	

SUSULAN PENGURANGAN VISA UMRAH

Arahan kawal MERS-CoV

» Kerajaan percaya tindakan Arab Saudi hanya sementara

Oleh Nur Syazwana Mansor
bhnews@bh.com.my

✦ Gurun

Kerajaan yakin arahan pengurangan kuota visa bagi menunaikan umrah yang dikeluarkan Kerajaan Arab Saudi, hanya bersifat sementara dan bukannya ketetapan berkekalan.

Malah, tindakan Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi itu juga diyakini mempunyai sudut positif terutama untuk membendung masalah penularan virus korona Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) yang melanda negara itu sejak kebelakangan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir



Jamil Khir menyerahkan replika cek kepada Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Muda/Yan, Abdul Razak Mat (kiri) pada Sambutan Hari Guru 2014 peringkat Parlimen Jerai di Gurun, semalam.

[FOTO NUR SYAZWANAWANA MANSOR/BH]

Baharom berkata, Kerajaan Malaysia amat mengambil berat isu penularan MERS-CoV kerana ia membabitkan aspek kesihatan dan keselamatan jemaah dari Malaysia.

Berikutan itu, katanya, Kerajaan Malaysia akan mematuhi segala peraturan dikeluarkan Kerajaan Arab Saudi bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Tunggu hingga penyakit lebih terkawal

"Selain Ramadan, bulan Rejab dan Syaaban adalah antara bulan yang menjadi tumpuan umat Islam bagi menunaikan umrah. Namun, kita masih perlu mematuhi syarat ditetapkan Kerajaan Arab Saudi dan saya nasihatkan jemaah yang berniat ke sana supaya bersabar dan menunggu sehing-

ga masalah wabak penyakit ini lebih terkawal.

"Peraturan ini dibuat bukan bertujuan menyusahkan jemaah, tetapi demi kebaikan umat Islam seluruh dunia. Kita seharusnya berdoa agar masalah penyakit ini dapat diatasi segera, sekali gus membuka peluang lebih besar untuk kita menunaikan umrah di sana," katanya ke-

tika ditemui sempena majlis sambutan Hari Guru 2014 peringkat Parlimen Jerai di sini, semalam.

Beliau mengulas isu pengurangan kuota visa oleh Kerajaan Arab Saudi yang dijangka menjejaskan sekurang-kurangnya 10,000 bakal jemaah umrah bermula hujung bulan ini, selain meresahkan pengusaha agensi pelancongan yang mengendalikan pakej umrah.

Pada majlis itu, Jamil Khir menyampaikan dana RM 53,900 kepada Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Muda/Yan untuk diagihkan mengikut keperluan kepada 29 sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di Parlimen Jerai bagi meningkatkan prestasi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sementara itu, Jamil Khir berkata, kerajaan mengambil berat soal kebajikan terutama dalam memastikan tiada seorang rakyat terlepas daripada menerima pendidikan sempurna, lebih-lebih lagi akibat masalah kemiskinan.

"Kami (kerajaan) ambil berat bukan saja terhadap sekolah aliran perdana, tetapi juga sekolah Cina dan India. Kami tidak mahu mereka ketinggalan dalam mencapai kecemerlangan dalam pendidikan," katanya.